

## Standard Baru Kualiti Udara Ambien Malaysia

Standard Baru Kualiti Udara Ambien disediakan bagi menggantikan Garis Panduan Kualiti Udara Ambien Malaysia yang telah digunapakai sejak tahun 1989.

Standard Baru Kualiti Udara Ambien menggunakan 6 kriteria pencemar udara (air pollutant criteria) iaitu 5 kriteria pencemar udara sedia ada yang terdiri daripada zarahhan terampai bersaiz 10 mikrometer atau kurang (PM<sub>10</sub>), sulfur dioksida (SO<sub>2</sub>), karbon monoksida (CO), nitrogen dioksida (NO<sub>2</sub>) dan ozon (O<sub>3</sub>) serta 1 parameter tambahan iaitu zarahhan terampai bersaiz 2.5 mikrometer atau kurang (PM<sub>2.5</sub>).

Had kepekatan pencemar udara akan diperketatkan secara berperingkat sehingga tahun 2020. Sasaran yang ditetapkan mengikut 3 tempoh tahun interim iaitu sasaran interim 1 (IT-1) pada tahun 2015, sasaran interim 2 (IT-2) pada tahun 2018 dan akhirnya standard ini dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2020.

**Jadual 1 : Standard Baru Kualiti Udara Ambien Malaysia**

Pencemar	Purata Masa	Standard Kualiti Udara Ambien		
		IT-1 (2015) µg/m <sup>3</sup>	IT-2 (2018) µg/m <sup>3</sup>	Standard (2020) µg/m <sup>3</sup>
<b>Zarahhan terampai bersaiz 10 mikrometer atau kurang (PM<sub>10</sub>)</b>	1 Tahun	50	45	40
	24 Jam	150	120	100
<b>Zarahhan terampai bersaiz 2.5 mikrometer atau kurang (PM<sub>2.5</sub>)</b>	1 Tahun	35	25	15
	24 Jam	75	50	35
<b>Sulfur Dioksida (SO<sub>2</sub>)</b>	1 Jam	350	300	250
	24 Jam	105	90	80
<b>Nitrogen Dioksida (NO<sub>2</sub>)</b>	1 Jam	320	300	280
	24 Jam	75	75	70
<b>Ozon (O<sub>3</sub>)</b>	1 Jam	200	200	180
	8 Jam	120	120	100
<b>*Karbon Monoksida (CO)</b>	1 Jam	35	35	30
	8 Jam	10	10	10

\*mg/m<sup>3</sup>